

PENILAIAN SEINDAH MAWAR BERDURI:

SYARAT 2 TUTUP AURAT N DALIL:

1. Tidak mempunyai unsur tasyabbuh (tidak menyerupai pakaian orang lelaki atau orang bukan islam)

- Hadith: SAHIH AL-BUKHARI/KITAB AL-LIBAS/BAB LELAKI2 YG MENYERUPAI WANITA DAN WANITA2 YG MENYERUPAI LELAKI

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا غُنْدَرٌ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ قَتَادَةَ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Maksudnya: "Daripada Ibn Abbas beliau berkata: Sesungguhnya Rasulullah melaknat para lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki."

- Hadith: SUNAN ABI DAUD/KITAB AL-LIBAS/BAB PAKAIAN WANITA

حَدَّثَنَا زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا أَبُو عَامِرٍ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ بِلَالٍ عَنْ سُهَيْلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لِبْسَةَ الْمَرْأَةِ وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ لِبْسَةَ الرَّجُلِ

Maksudnya: "Rasulullah melaknat golongan lelaki yang memakai pakaian menyerupai wanita dan wanita yang memakai pakaian menyerupai lelaki."

- Hadith: SUNAN ABI DAUD/KITAB AL-LIBAS/BAB PAKAIAN KEMASYHURAN

حدثنا عثمان بن أبي شيبة حدثنا أبو النضر حدثنا عبد الرحمن بن ثابت حدثنا حسان بن عطية عن أبي منيب الجرشي عن ابن عمر قال قال رسول الله -صلى الله عليه وسلم- « من تشبه بقوم فهو منهم »

Maksud: "barangsiapa menyerupai sesuatu kaum/golongan, maka dia termasuk di kalangan mereka."

- Menurut ibn Hajar: Al-Tasyabbuh yang dilarang dalam hadits ini ialah persamaan dari sudut pakaian, perhiasan, percakapan dan cara berjalan. ¹ (FATH AL-BARI)
- Larangan meniru orang bukan Islam adalah bagi mengelakkan berlaku kerosakan akidah, menghilangkan nilai dan syiar Islam dan menjadi ikutan generasi-generasi akan datang.

2. Tidak nipis dan tidak jarang

- Tujuan pakaian: menutup tubuh wanita dan auratnya dari pandangan ajnabi dan dari sebarang bentuk fitnah.
- Oleh yang demikian, pakaian yang jarang tidak menepati tujuan sebenar penggunaannya.
- Hadith: HADITH ABU DAWUD/KITAB AL-LIBAS/BAB PAKAIAN AL-QIBATIYY UNTUK PEREMPUAN

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَمْرٍو بْنِ السَّرْحِ وَأَحْمَدُ بْنُ سَعِيدٍ الْهَمْدَانِيُّ قَالَا أَخْبَرَنَا ابْنُ وَهْبٍ أَخْبَرَنَا ابْنُ لُحْيَةَ عَنْ مُوسَى بْنِ جُبَيْرٍ أَنَّ عُبَيْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ حَدَّثَهُ عَنْ خَالِدِ بْنِ يَزِيدَ بْنِ مُعَاوِيَةَ عَنْ دَحِيَّةَ بْنِ خَلِيفَةَ الْكَلْبِيِّ أَنَّهُ قَالَ أَتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَبَاطِيٍّ فَأَعْطَانِي مِنْهَا قُبْطِيَّةً فَقَالَ اصْدَعْهَا صَدْعَيْنِ فاقطع أحدهما قميصًا وأعطِ الآخر امرأتك تحتمر به فلما أدبر قال وأمر امرأتك أن تجعل تحتها ثوبًا لا يصفها

Maksudnya: Rasulullah telah diberikan beberapa helai baju Qibtiyy, sehelai daripadanya diberikan kepadaku. Lalu Baginda berkata: bahagikanlah (koyakkan) kepada dua bahagian, satu dijadikan baju dan satu lagi berikanlah kepada isterimu supaya dijadikan tudung (yang menutup kepala, leher dan dada). Apabila aku beredar, Baginda lantas bersabda: suruhlah isterimu memakainya di atas bajunya (supaya) tidak menampakkan (kulit).

- Hadith: HADITH SAHIH MUSLIM/KITAB AL-LIBAS WA AL-ZINAH/BAB WANITA2 BERPAKAIAN TETAPI TELANJANG DAN MUDAH DIRAYU

حَدَّثَنِي زُهَيْرُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ سُهَيْلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صِنْفَانِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرَهُمَا قَوْمٌ مَعَهُمْ سِيَاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ

¹ Al-‘Asqalani, Ibn Hajar (), Fath al-Bari

يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ وَنِسَاءٌ كَاسِيَاتٌ عَارِيَاتٌ مُمِيلَاتٌ مَائِلَاتٌ رُءُوسُهُنَّ كَأَسْنِمَةِ الْبُخْتِ
الْمَائِلَةِ لَا يَدْخُلْنَ الْجَنَّةَ وَلَا يَجِدْنَ رِيحَهَا وَإِنَّ رِيحَهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةٍ كَذَا وَكَذَا

Maksud: "Daripada Abu Hurairah katanya; Rasulullah s.a.w bersabda: Ada 2 golongan penghuni neraka yang tidak pernah aku lihat sebelumnya, iaitu segolongan manusia yang membawa cemeti seperti ekor lembu sedang memukul manusia, wanita-wanita yang berpakaian tetapi bertelanjang, wanita-wanita yang mudah dirayu dan suka merayu, kepala mereka condong seperti bonggol unta yang senget letaknya. Mereka ini tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium harum baunya sedangkan harum baunya sejauh sekian perjalanan."

- Ibn Abd al-Bar: yang dimaksudkan dengan Kasiyat, 'Ariyat dalam hadith ini ialah wanita yang memakai pakaian yang nipis. Malah, wanita sebegini hakikatnya bertelanjang.²
- Ibn Taymiyyah: Ia membawa pengertian wanita yang memakai pakaian yang nipis sehingga menampilkan warna kulit wanita tersebut. Dalam keadaan ini, wanita tersebut walaupun berpakaian tetapi hakikatnya ia bertelanjang kerana menampilkan tubuh badannya.

3. Tidak singkat dan tidak sendat

- Surah al-Ahzab: 59

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ
جَلْبَابٍ ذَلِكُمْ أَدْنَىٰ أَنْ يُّعْرِفْنَ فَلَا يُؤْذِينَ ۖ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا



Maksudnya: Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan Yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara Yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan Yang baik-baik) maka Dengan itu mereka tidak diganggu. dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

- Pakaian wanita Muslimah hendaklah menutupi seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan
- Anggaran menutup seluruh tubuh disyaratkan menutupi dada
- Surah al-Nur: ayat 31

² Abd Karim Zaydan (1994), *op.cit*

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنَاتِ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنَاتِ أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولَى الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

4. Bukan pakaian untuk mencari kemasyhuran dan populariti

SYARAT2 KOSMETIK N DALIL

1. Tidak mengubah ciptaan Allah:

- Al-Nisa: 119

وَلَا ضَلَّئَهُمْ وَلَا مَتَّيْنَهُمْ وَلَا مَرْتَهُمْ فَلْيَبْتَئَنَّ عَادَانِ الْأَنْعَامِ وَلَا مَرْتَهُمْ فَلْيَغَيِّرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah". Dan (ingatlah) sesiapa yang mengambil Syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang nyata

- Imam al-Syawkani: al-Taghyir di dalam ayat tersebut adalah perbuatan mengubah ciptaan Allah yang dilarag oleh syarak iaitu sebarang perubahan yang boleh merubah bentuk serta sifat kejadian yang asal.
- Imam Malik: yang dimaksudkan dengan mengubah ciptaan Allah yang dilarang oleh syarak ialah perbuatan yang merubah bentuk asal sesuatu kejadian dalam bentuk yang kekal. Adapun perubahan bentuk atau sifat yang tidak kekal, maka ia diharuskan oleh syarak.³

2. Tiada Unsur Penipuan

- penggunaan sebarang rawatan kecantikan dan alat solekan bagi menutup kekurangan atau menimbulkan kekeliruan atau penipuan dengan tujuan menarik perhatian adalah dilarang.

3. Tidak membawa kemudaratn

- Penggunaan alat atau bahan kecantikan yang boleh membawa kemudaratn anggota badan adalah dilarang. Perbuatan ini diibarat meletakkan diri ke lembah kebinasaan.
- al-Baqarah: ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: dan belanjakanlah (Apa Yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) ugama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke Dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya Segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang Yang berusaha memperbaiki amalannya.

- Jika boleh mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat seperti menarik perhatian dan menimbulkan fitnah, ia juga dilarang kerana termasuk kategori tabarruj yang dilarang agama.

4. Tidak bercorak menjolok mata

³ Abd Karim Zaydan (1994), Al-Mufasssal Fi Ahkam al-Mar'ah, Jil. 3, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, hlm. 408

- Sesuatu yang terlalu menonjol dan menjolok mata dikira sebagai tabarruj
Allah s.w.t melarang tabarruj di kalangan wanita

- Surah al-Ahzab: ayat 33

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ
وَأَتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ
الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Maksudnya: Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu - wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)

HUKUM MEMAKAI ALAT SOLEK DAN KOSMETIK

1. Pemerah pipi, krim pemutih, pembayang mata dan lipstick:

- berdasarkan pendapat beberapa orang ulama, pemakaian pemerah pipi, lipstick dan krim pemutih adalah di bahagian yang boleh didedahkan (muka).
- Di dalam sunah Rasulullah, terdapat peristiwa yang menunjukkan memakai alat solek di bahagian muka pernah dilakukan oleh isteri-isteri Nabi. Hal ini menunjukkan keharusan memakai alat-alat solekan tertentu pada bahagian muka kerana Rasulullah tidak menegah hal ini.
- Imam Nawawi⁴ dan Ulama Hanabilah⁵: penggunaan pemerah muka adalah diharuskan dengan syarat diizinkan oleh suami
- Kesimpulan: penggunaan bahan-bahan tersebut hendaklah dengan kadar sederhana serta tidak keterlaluan sehingga menimbulkan unsur-unsur fitnah dan penipuan. Juga bergantung pada keizinan suami.

2. Celak:

- jumhur ulama mengatakan harus menggunakan celak kerana termasuk di bahagian muka
- ABU DAUD/ KITAB AL-TIBB/ ARAHAN MEMAKAI CELAK

⁴ Al-Nawawi, Syarah Sahih Muslim

⁵ Ibn Hajar, Syarah Sahih al-Bukhari

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ حُثَيْمٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِنَّ خَيْرَ أَكْحَالِكُمُ الْإِثْمِدُ يَجْلُو الْبَصَرَ وَيُنْبِتُ الشَّعْرَ

Maksudnya: Rasulullah bersabda: ...dan sebaik-baik celak ialah al-ithmid (sejenis batu hitam berasal dari Hijaz), ia menyebabkan mata bercahaya dan melebatkan bulu mata

- Imam al-Syafie mengharuskan pemakaian celak bagi wanita⁶
- Dari riwayat di atas, difahami bahan yang dijadikan celak harus dari bahan yang baik. Tidak merosakkan mata, sebaliknya menerangkan dan melebatkan bulu mata.

TABARRUJ:

- surah al-Ahzab: ayat 33

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَىٰ وَأَقِمْنَ الصَّلَاةَ وَآتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Maksudnya: Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu - wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)

- Tafsir AL-TABARRUJ:

- Mujahid: wanita keluar dari rumah dengan membuka tudung yang menutup kepala⁷
- Qatadah: wanita keluar dari rumah dengan gaya mengada-ngada dan lemah gemalai.⁸
- Muqatil Ibn Hayyan: wanita mengenakan tudung penutup kepala tetapi tidak sempurna, lalu nampaklah leher, bentuk leher dan warna kulitnya.⁹
- Imam al-Suyuthi: tabarruj jahiliyyah dahulu ialah para wanita mendedahkan kecantikan dan keelokan mereka kepada kaum lelaki.¹⁰

⁶Abd Karim Zaydan (1994), Al-Mufasssal Fi Ahkam al-Mar'ah, op. cit

⁷Ibn Kathir, Tafsir Ibn Kathir

⁸Ibid

⁹Ibid

¹⁰Al-Suyuthi, Tafsir Jalalayn

- Al-Syawkani: wanita mendedahkan perhiasan dan kecantikannya yang sepatutnya ditutup sehingga membangkitkan nafsu shahwat lelaki.¹¹

¹¹ Al-Syawkani, Tafsir Fath al-Qadir